



**NOTA PERCAKAPAN**  
**YBHG. DATO' HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM**  
**KETUA PENGARAH BHEUU**  
**SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN BHEUU BIL. 2/ 2014**  
**5 FEBRUARI 2013 (SELASA), 8.30 PAGI**

- 1. Assalamualaikum w.b.t. & Salam 1Malaysia.**
- 2. Terima kasih Pengacara Majlis,**
- 3. Puan Siti Zawahir binti Mohamed, Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman,**
- 4. Majlis juga mengalu-alukan kehadiran Puan Haslina binti Mansor, Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi Malaysia yang baru yang menggantikan Puan Rohana Abd Malek,**

- 5. Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, pegawai-pegawai kanan ketiga-tiga Jabatan, dan**
- 6. Warga BHEUU, JBG & Mdl sekalian.**
- 7. Terlebih dahulu, marilah sama-sama mengangkat setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, dapat kita berkumpul pada perhimpunan bulanan kali kedua tahun 2014, pada pagi ini.**

**8. Pertama sekali, rasanya tidak lewat untuk saya mengucapkan selamat menyambut Tahun Baru Cina kepada warga BHEUU, Mdl dan JBG yang berbangsa cina. Semoga tahun baru ini yang merupakan tahun kuda akan memberi buah dan rezeki daripada tahun-tahun sebelumnya.**

----- **AMANAT YAB PERDANA MENTERI** -----

**Tuan-tuan dan Puan-puan, sukacita saya ingin menarik perhatian kepada Amanat YAB Perdana Menteri semasa Perhimpunan Bulanan JPM pada 6 Januari 2014 yang lalu. Antara perkara-perkara yang dibangkitkan:**

- i. YAB Perdana Menteri menyarankan supaya mulai tahun 2014, matlamat utama negara ialah untuk mencapai status negara maju dalam tempoh masa yang semakin pendek dengan mengambil kira juga pandangan dan hasrat supaya tidak melaksanakan sesuatu yang membebankan rakyat;
  
- ii. *Reforms* dalam erti kata *structural reform* serta *reforms* dalam Dasar Transformasi Negara perlu direalisasikan dengan lebih tepat dan dikemaskini dari semasa ke semasa agar ekonomi negara tumbuh secara mampan serta dapat mencapai kadar

pertumbuhan 5 hingga 6 peratus seperti mana yang dihasratkan.

- iii. Sebagai contoh kerajaan telah menyediakan peruntukan pembangunan ialah sebanyak RM49 bilion subsidi dan insentif sebanyak RM42 bilion. Inisiatif ini mencerminkan kerajaan amat prihatin kepada rakyat. Namun demikian, inisiatif ini tidak mampu dikekalkan kerana pengurangan subsidi dan insentif perlu dilaksanakan secara berperingkat-peringkat supaya

pelbagai perkara dapat diseimbangkan seperti membantu golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana rendah.

- iv. Justeru, sekiranya ekonomi negara lebih kukuh dan hasil negara lebih mantap, maka projek pembangunan boleh ditambah, kemudahan dan segala kebajikan untuk penjawat-penjawat awam dan pelbagai golongan lain boleh dipertimbangkan dari masa ke semasa.



- v. YAB Perdana Menteri mengharapkan bagi tahun 2014 ini, kejayaan dan pencapaian negara selama ini dapat dikekalkan, di samping memelihara dan menjaga apa jua yang telah negara kecapai dan warisi serta meletakkannya pada nilai yang tertinggi kepada rakyat.

**----- Amanat Ketua Setiausaha Negara -----**

**Tuan tuan dan Puan-puan, seterusnya saya juga ingin menarik perhatian tuan tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh YBhg Tan Sri Ketua Setiausaha Negara semasa Majlis Amanat Ketua Setiausaha Negara di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 20 Januari 2014 yang lalu. Antara amanat YBhg Tan Sri adalah:**

**i. Memperkasa Urus Tadbir dan Integriti Penjawat Awam**

- a. Dalam konteks Perkhidmatan Awam, perkara yang sering dibangkitkan adalah teguran audit dan laporan ketidakpatuhan yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Laporan Ketua Audit Negara 2012 menunjukkan ketidakpatuhan kepada peraturan dan prosedur kewangan yang berkuatkuasa.

- b. Sebanyak 267 (71%) teguran audit melibatkan penambahbaikan peraturan, prosedur dan proses kerja dan tindakan penambahbaikan ini telah dan sedang diambil oleh agensi terlibat. Manakala 111 (29%) teguran melibatkan 121 kes penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiian pelaksanaan tugas.
  
- c. Justeru, kerajaan memandang serius kepada perkara ini untuk mengambil tindakan susulan dengan penubuhan Jawatankuasa siasatan di

peringkat kementerian serta SPRM berperanan menjalankan siasatan, dan tindakan tatatertib serta pendakwaan terhadap kesalahan penyelewengan, menyalah guna kuasa dan salah laku. Sehubungan itu, saya menyeru supaya semua warga BHEUU, Mdl dan JBG agar dapat meneliti semula peraturan-peraturan, prosedur dan proses kerja sedia ada dengan memastikan sentiasa dikemaskini dan ditambah baik dengan cara:

- Pergiatkan aktiviti inovasi. Contohnya menambah baik proses kerja yang memendekkan masa, menjimatkan kos serta memudahkan urusan pelanggan.
- d. Selain itu, tindakan pemantauan hendaklah dilaksanakan secara berkala bagi memastikan pelaksanaan kerja mengikut jadual dan kelemahan serta kesilapan dapat dikesan lebih awal.

## **ii. Langkah-Langkah Perbelanjaan Berhemat Sektor Perkhidmatan Awam**

- a. Perkhidmatan Awam telah memainkan peranan ke arah mengurangkan perbelanjaan awam dengan pengumuman 11 langkah-langkah perbelanjaan berhemat yang digariskan oleh YAB Perdana Menteri. 11 langkah-langkah tersebut adalah:

- Pengurangan Imbuhan Tetap Keraian bagi pegawai kanan Kerajaan dikurangkan di antara 5 hingga 10 peratus. Kerajaan amat prihatin kerana tidak mengurangkan elaun khidmat awam bagi kumpulan sokongan dan kumpulan professional bagi gred yang lebih rendah;
- Pengurangan kemudahan bayaran tol yang diberi kepada pegawai kanan Kerajaan daripada RM50 sehingga RM100;



- Pindaan kelayakan kelas tempat duduk penerbangan untuk perjalanan domestik dan antarabangsa bagi penjawat awam;
- Pengurangan sebanyak 5 peratus kos utiliti elektrik pada tahun 2014;
- Pembekuan pengubahsuaian ruang pejabat;
- Pengoptimuman penggunaan ruang pejabat sedia ada untuk mengurangkan sewaan premis bagi kegunaan sebagai pejabat;

- Pelantikan perunding (consultant) perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) terlebih dahulu;
- Pengurangan penggunaan syarikat pengurusan acara (event management) serta pemberian suguhati dan cenderamata;

- Pengurangan penyediaan makanan dan minuman semasa penganjuran mesyuarat dan majlis rasmi Kerajaan;
- Pengurangan penggunaan kain pemidang (bunting dan banner) bagi penganjuran mesyuarat dan majlis rasmi Kerajaan; dan
- Mengaplikasikan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan dengan mengoptimumkan penggunaan Pusat Latihan 1Malaysia (1MTC)

dan juga kemudahan di institusi milik Kerajaan.

- b. langkah-langkah ini mencerminkan penjawat awam turut berkongsi impak pengurangan perbelanjaan bersama rakyat, selaras dengan konsep **‘Merakyatkan Perkhidmatan Awam’**.
- c. Selaras dengan dasar Penjimatan Kerajaan berkenaan, BHEUU akan melaksanakan langkah-langkah perbelanjaan berhemah seperti berikut:

- Tiada makanan disediakan bagi perhimpunan bulanan mulai perhimpunan ini;
- Makanan mesyuarat hanya disediakan pada waktu pagi dan waktu petang dihadkan kepada minuman dan buah-buahan/kuih;
- Latihan dan kursus-kursus akan dilaksanakan di pejabat atau Pusat Latihan 1Malaysia;

- Penjimatan utiliti yang berterusan dengan memastikan penjimatan penggunaan elektrik dan air;

d. Justeru itu, saya berharap semua warga BHEUU, Mdl dan JBG dapat berganding bahu untuk sama-sama melaksanakan langkah-langkah penjimatan ini. Semua pihak perlu fikir bagaimana kita boleh melakukan

penjimatan mengikut bidang tugas masing-masing. Contohnya Pembantu Am Pejabat boleh mengurangkan penggunaan kertas dengan membuat salinan fotostat di kedua-dua belah muka surat. Manakala Pemandu boleh menjimatkan penggunaan petrol dengan mengurangkan masa pemanasan enjin Kenderaan Jabatan.

**9. Akhir kata, sama-sama kita berdoa semoga urusan kita dipermudahkan dan kita semua dapat menjalankan tanggungjawab yang diberikan dengan baik . Terima kasih.  
Assalamualaikum w.b.t.**